



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 25/2023

ARAHAN PELAKSANAAN PENILAIAN RISIKO

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai Arahan Pelaksanaan Penilaian Risiko di peringkat permohonan kelulusan pelaksanaan aktiviti/ projek.

2. PUNCA KUASA

- a. Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko (JKPR) Bil. 1/2023 Kali Ke-6 pada 23 Julai 2023.
- b. Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil. 14/2023 Kali Ke-279 pada 7 Ogos 2023.

3. PELAKSANAAN PENILAIAN RISIKO

3.1 Objektif Penilaian Risiko

- a. Penilaian risiko bertujuan untuk mengenalpasti dan memaklumkan kepada pihak Universiti mengenai risiko yang mungkin dihadapi dalam pelaksanaan sesuatu aktiviti/projek bagi memastikan objektif dapat dicapai.
- b. Membolehkan pihak pelaksana (pemilik) aktiviti/ projek dan pihak yang memberikan kelulusan mendapat gambaran yang jelas mengenai masalah/risiko yang mungkin dihadapi semasa pelaksanaan projek/ aktiviti tersebut.
- c. Memastikan kelulusan diberikan hanya setelah pihak yang memberi kelulusan berpuas hati dan pertimbangan yang sewajarnya telah dibuat terhadap tahap kesan risiko pelaksanaan sesuatu projek/ aktiviti;

- d. Membolehkan langkah pencegahan (*mitigation plan*) dan kawalan berkesan dikenal pasti dan diambil pada peringkat yang lebih awal bagi mengurangkan kesan risiko yang boleh menghalang dan menjelaskan pencapaian matlamat Universiti.

3.2 Kaedah Penilaian Risiko

- a. Setiap cadangan aktiviti/ projek oleh Pusat Tanggungjawab (PTj) perlu melalui proses penilaian risiko di peringkat penyediaan kertas kerja sebelum dihantar kepada Pihak Berkuasa Melulus.
- b. **Pihak Berkuasa Melulus** merujuk kepada mana-mana jawatankuasa atau mesyuarat yang memberi kelulusan terhadap kertas kerja cadangan pelaksanaan sesuatu aktiviti/ projek seperti Jawatankuasa Senat, Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU), Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK), Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan mana-mana jawatankuasa berkaitan.
- c. Pelaksanaan penilaian risiko oleh PTj terbahagi kepada dua (2), iaitu:
 - i. Penilaian Risiko Awal
 - ii. Penilaian Risiko Terperinci
- d. Penilaian Risiko Awal dilakukan secara kendiri oleh PTj menggunakan **Borang Penilaian Awal Risiko** seperti di Lampiran A. Pemohon membuat penilaian risiko berhubung cadangan aktiviti/ projek dengan merujuk Pegawai Risiko PTj masing-masing dan perlu mendapat pengesahan Ketua PTj.
- e. Hasil penilaian awal, sekiranya skor yang dicatatkan menunjukkan aktiviti/ projek berada di dalam klasifikasi berisiko **RENDAH**, pemohon boleh meneruskan ke langkah seterusnya bagi penghantaran kertas kerja kepada pihak berkuasa yang memberi kelulusan bersama-sama Borang Penilaian Awal Risiko.
- f. Bagi aktiviti/ projek berada di dalam klasifikasi berisiko **TINGGI**, penilaian risiko terperinci akan dilaksanakan oleh pihak PSR. Pemohon boleh meneruskan ke langkah seterusnya bagi penghantaran kertas kerja kepada pihak berkuasa yang memberi kelulusan bersama-sama Borang Penilaian Awal Risiko dan Laporan Penilaian Risiko Terperinci.

g. **Proses Kerja, Carta Alir dan Senarai Semak** pelaksanaan penilaian risiko oleh PTJ adalah seperti di Lampiran B.

4. PEMATUHAN

Semua PTJ **WAJIB** mematuhi pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh edaran. Kertas kerja untuk kelulusan yang tidak disertakan Borang Penilaian Awal Risiko atau/ dan Laporan Penilaian Risiko Terperinci yang LENGKAP tidak akan diproses untuk kelulusan Pihak Berkuasa Melulus.

5. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan dan dengan berkuat kuasanya pekeliling ini, Pekeliling Pentadbiran Bil. 9/2016 – Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Risiko Oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) Universiti Malaysia Kelantan adalah terbatal.

Sekian, terima kasih.

"ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(KHAIRUL ERUWAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K)

Pendaftar

17 OGOS 2023

- | | | |
|------|---|---------------------------------|
| s.k. | - | Naib Canselor |
| | - | Timbalan-Timbalan Naib Canselor |
| | - | Semua Ketua Pusat Tanggungjawab |

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	UMK/B01.01.17/01/2023	Tarikh Kuatkuasa: 17 Ogos 2023
BORANG PENILAIAN AWAL RISIKO Pusat Strategik dan Risiko Pejabat Naib Canselor		

MAKLUMAT AKTIVITI/ PROJEK

TAJUK KERTAS KERJA : _____

UNIT/ PUSAT/ PTj : _____

PIHAK BERKUASA MELULUS : Senat/ JPU/ JTK/ LPU/ Lain-lain (Nyatakan)

1. Pemohon dikehendaki membuat penilaian awal risiko terhadap aktiviti/ projek yang akan dilaksanakan. Penilaian hendaklah dilakukan bersama Pegawai Risiko PTj dan mendapat pengesahan Ketua PTj.
2. Sila pilih skor yang bersesuaian berdasarkan indikator yang diberikan.

INDIKATOR	SKOR					SKOR PILIHAN
	1	2	3	4	5	
JALINAN KERJASAMA	Dalam PTj	Peringkat Universiti	Government to Government	Pihak luar/industri/ korporat	Antarabangsa	
REPUTASI & IMEJ	Ketidak puasan hati dalam PTj	Peringkat Universiti	Komuniti Universiti Awam	Masyarakat setempat	Tindakan Mahkamah/ Media Arus Perdana/ Viral	
KEWANGAN	Tiada kos	Panjar Wang Runcit	Pesan Belian	Perolehan	Tender	
	Tiada klaus implikasi pelanggaran syarat	Klaus Dana Dihentikan	Klaus Bayaran Balik Balik	Klaus Bayaran Balik dan Pengurangan OE	Klaus Penalti/ Tindakan Mahkamah	
IMPLIKASI PERUNDANGAN	Tiada dokumen perundangan	Dokumen perundangan	Surat Niat (LOI)	Memorandum Persefahaman (MOU)	Memorandum Perjanjian (MOA)	
JUMLAH SKOR						

3. Sila tandakan (✓) pada tahap risiko berdasarkan pilihan skor yang telah dibuat:

SKOR	TAHAP	TANDA (✓)
4-10	RENDAH	
11-20	TINGGI	

4. Bagi aktiviti/projek berada di dalam klasifikasi berisiko **RENDAH**, PTJ perlu memastikan proses kerja dan prosedur sedia ada mampu menguruskan risiko yang mungkin timbul. *Sila kepilkan borang ini bersama-sama penghantaran kertas kerja kepada pihak berkuasa yang memberi kelulusan.*
5. Bagi aktiviti/projek berada di dalam klasifikasi berisiko **TINGGI**, penilaian risiko terperinci akan dilakukan oleh pihak PSR bagi mengenalpasti risiko dan langkah kawalan sewajarnya. *Pihak PSR akan menghubungi pemohon setelah proses penilaian risiko selesai dilaksanakan.*

MAKLUMAT PEMOHON

TANDATANGAN :

NAMA :
COP RASMI :

PENGESAHAN KETUA PTJ

Adalah disahkan bahawa butir-butir yang dinyatakan adalah benar

TANDATANGAN :

NAMA :
COP RASMI :

PEGESAHAN PUSAT STRATEGIK & RISIKO (PSR)

Adalah disahkan kertas cadangan ini telah melalui proses penilaian awal risiko.

TANDATANGAN :

NAMA :
COP RASMI :



PROSES KERJA, CARTA ALIR & SENARAI SEMAK PENILAIAN AWAL RISIKO

A. PROSES KERJA & CARTA ALIR PENILAIAN AWAL RISIKO OLEH PTJ

BIL	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB	SELAMA MASA	CARTA ALIRAN	
1.	Mengisi Borang Penilaian Awal Risiko Dengan Lengkap	PTJ	1 hari	<pre> graph TD A([MULA]) --> B[] B --> C[] C --> D{ } D -- RENDAH --> E[] E --> F([TAMAT]) D -- TINGGI --> G[] G --> H([TAMAT]) </pre>	
2.	Menghantar sesalinan Borang Penilaian Awal Risiko Kepada PSR	PTJ	1 hari		
3.	Keputusan Penilaian Awal (Rendah / Tinggi)				
4.	Penilaian Risiko Terperinci Oleh PSR	PSR	3 hari		
5.	Menghantar Kepada Pihak Berkuasa Melulus	PTJ	1 hari		

B. SENARAI SEMAK PENGHANTARAN KEPADA PIHAK BERKUASA MELULUS (Tandakan ✓ Yang Berkenaan)

PROJEK/ AKTIVITI BERISIKO RENDAH	
1.	Kertas Cadangan Aktiviti/ Projek
2.	Borang Penilaian Awal Risiko

PROJEK/ AKTIVITI BERISIKO TINGGI	
1.	Kertas Cadangan Aktiviti/ Projek
2.	Borang Penilaian Awal Risiko
3.	Laporan Penilaian Risiko Terperinci oleh PSR